

Keperluan Mengenalpasti Manuskrip Ulama Terengganu Berasaskan Aplikasi E-Risalah Syeikh Bukit Bayas

BITARA

Volume 5, Issue 3, 2022: 001-011
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 30 Jun 2022
Accepted: 27 Ogos 2022
Published: 30 September 2022

[The Needs of Terengganu Scholar Manuscripts' Knowledge Based on Application of E-Risalah Syeikh Bukit Bayas]

Hasanulddin Mohd,^{1,2} Hannan Fatini Md Reshad,¹ Zurita Mohd Yusoff,^{1,2} Engku Ibrahim Engku Wok Zin,^{1,2} Roslan Umar¹ & Baharrudin Zainal^{1,2}

1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: syafiq1392@gmail.com

2 Research Institute for Islamic Products & Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

* Corresponding Author: hasandin@gmail.com

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk menilai penggunaan dan impak Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) tentang karya seorang tokoh ulama Terengganu yang berpengaruh pada abad ke-19, iaitu Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas dalam Minggu Penyelidikan dan Inovasi (MPI) anjuran Universiti Sultan Zainal (UniSZA) pada tahun 2021. Program ini melibatkan ramai penyelidik bagi mengeksplorasi daya pemikiran yang kreatif dan kritis dalam memacu inovasi teknologi yang terkini. Oleh yang demikian, aplikasi mudah alih ini menggunakan alat pengarang Framework react native language javascript bagi penggunaan pelantar Android dan IOS yang mempunyai lima fasa utama dan penting iaitu, fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian. Seterusnya, bagi menilai kebolehan dan kepercayaan, kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik telah digunakan. Seramai 123 orang telah mengambil bahagian sebagai sampel kajian. Metodologi bagi kajian ini menggunakan kajian deskriptif untuk menilai persepsi pengguna terhadap kebolehan dan penerimaan masyarakat terhadap aplikasi mudah alih "E-Risalah Syeikh Bukit Bayas" yang dibangunkan ini. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa kebanyakan masyarakat sangat berpuas hati dan menyokong usaha murni terhadap pembangunan aplikasi yang diusahakan ini. Kesimpulannya, pembangunan aplikasi mudah alih "E-Risalah Syeikh Bukit Bayas" ini perlu dilakukan, malah sangat berpotensi dalam memperkenalkan ulama alam Melayu, terutamanya di Negeri Terengganu dalam bentuk digital atau teknologi terkini seiring dengan kepesatan teknologi masa kini.

Kata kunci: Aplikasi mudah alih, e-Risalah Syeikh Bukit Bayas, ulama Melayu Terengganu.

Abstract

This study is to evaluate the capabilities and implications of Mobile Apps on a book written by Sheikh Abdul Qadir Bukit Bayas, who was an influenced scholar in Terengganu by 19th century, within the Research and Innovation Week (MPI) 2021. This event involves many researchers to export their creative and critical thinking in driving the latest technological innovation. Therefore, this mobile application is built using Framework react native language javascript authoring tool for the use of Android and IOS platforms which has five main and important phases, namely, analysis phase, design phase, development phase, implementation phase and evaluation phase. Next, to assess abilities and beliefs survey method using questionnaires was used. A total of 123 people participated as the study sample. The methodology for this study uses a descriptive study to assess users' perceptions of the

ability and public acceptance of the mobile application “E-Risalah Syeikh Bukit Bayas” developed. The results of this study found that most people are very satisfied and support the noble efforts towards the development of this application. In conclusion, the development of the mobile application “E-Risalah Syeikh Bukit Bayas” has been successfully developed and even has great potential in introducing Terengganu scholars in digital form or the latest technology.

Keywords: Mobile applications, e- Risalah Syeikh Bukit Bayas, Malay Terengganu Scholars.

Cite This Article:

Hasanulddin Mohd, Hannan Fatini Md Reshad, Zurita Mohd Yusoff, Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Roslan Umar & Baharrudin Zainal. (2022). Keperluan Mengenalpasti Manuskrip Ulama Terengganu Berasaskan Aplikasi E-Risalah Syeikh Bukit Bayas [The Needs of Terengganu Scholar Manuscripts' Knowledge Based on Application of E-Risalah Syeikh Bukit Bayas]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 001-011.

Pengenalan

Perkembangan teknologi kian pesat sejurus arus modenisasi ini. Media massa juga merupakan salah satu bentuk kemajuan dalam bidang informasi dan komunikasi. Ia merupakan satu keperluan pada masa sekarang bagi memudahkan urusan harian. Adalah menjadi hasrat kerajaan Malaysia untuk membentuk serta melahirkan masyarakat yang cintakan teknologi informasi atau IT (*Information Technology*) dengan mengadakan kempen “IT Budaya Kita”. Keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan teknologi ini supaya rakyat Malaysia tidak ketinggalan seiring dengan kepesatan serta perkembangan teknologi informasi dan komunikasi (Mohd Hamdan, 2017). Malah, dari sudut “*World Internet User*” (Pengguna Internet Sedunia). Malaysia memiliki 0.6% daripada 3,424,971,237 yang wujud di bumi sangat kerap menggunakan internet. Justeru, pengenalan berkaitan tokoh ulama alam Melayu dan karya beliau melalui aplikasi ini perlu dikedepankan agar ia *tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas* dan menjadi panduan dan rujukan yang bermanfaat buat masyarakat setempat.

Latar belakang

Ulama Alam Melayu memainkan peranan yang cukup besar dalam membangunkan tamadun Melayu-Islam serta mengembangkan ilmu dan peradaban dalam segenap aspek. Para ulama silam telah menyebarkan ilmu melalui pelbagai medium, antaranya melalui penulisan karya yang bermutu. Hasil daripada kesungguhan dan kegigihan ulama menyebarkan ilmu agama kepada masyarakat, terhasillah karya-karya yang meliputi pelbagai bidang seperti ilmu tauhid, fiqah, tafsir dan hadith, dan ilmu tasawuf (Ali Mohammad, 2009). Karya-karya yang dikarang oleh ulama ini bukan sahaja diguna pakai dalam bidang sosial, politik dan ekonomi, bahkan menjadi rujukan dalam tradisi intelektual keilmuan Islam. Ini dapat dibuktikan dengan sumbangan yang telah ditunjukkan dengan terhasilnya 22,000 manuskrip dalam pelbagai bidang yang melebihi 5,000 buah judul (Mohd Anuar, 2017). Manuskrip ini telah disimpan dan dijaga dalam pelbagai bentuk koleksi di dalam negara mahupun luar negara. Menurut Harun Mat Piah (2016), simpanan manuskrip juga ada dalam simpanan institusi-institusi kecil seperti masjid, madrasah dan surau serta individu tertentu. Kemahiran dalam mentahkik sesuatu manuskrip merupakan nilai tambah kepada para pangsura, pengarang, penulis, penyalin,

pemungut, penyimpan dan pendokumen hasil-hasil karya ulama silam. Sehingga kini, banyak karya hasil tulisan tangan masih terjaga, namun ada juga yang telah terjejas dan rosak akibat dimakan air, serangan anai-anai dan lain-lain. Malah, lebih menyedihkan lagi apabila kajian karya-karya ulama silam ini tidak diperkasakan berbanding bidang kajian lain, menyebabkan masyarakat seakan-akan tidak mengetahui nilai dan tidak menghargainya. Ini dapat dilihat apabila karya ini hanya dijadikan sebagai artifak dan bahan artik atau perhiasan semata-mata (Choo Ming Ding, 2003).

Negeri Terengganu sememangnya kaya dengan khazanah ilmu dan karya ulung yang dihasilkan oleh tokoh ulama tempatannya seperti Syeikh Abdul Malik Abdullah, Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas, Tok Ku Tuan Besar, Tok Ku Paloh dan Tok Syeikh Duyung (Zurita 2019; Hasanulddin 2018). Bagi melestarikan legasi karya ulama silam Melayu Terengganu ini, antara langkah yang diambil adalah dengan mewujudkan Aplikasi e-Risalah Syeikh Bukit Bayas ke arah mendigitalkan manuskrip ulama silam. Aplikasi e-Risalah Syeikh Bukit Bayas ialah suatu aplikasi yang memfokuskan kitab fiqah muamalat yang telah dikarang oleh Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas atau lebih dikenali sebagai Syeikh Bukit Bayas. Terdapat sekurang-kurangnya empat naskhah manuskrip lengkap tulisan tangan berkaitan kitab ini. Manuskrip ini merupakan antara warisan nadir Melayu yang sangat berharga yang telah berjaya ditahkik. Tahkik merupakan proses menerbitkan semula manuskrip silam dalam bentuk kontemporari dengan prosedur-prosedur tertentu bagi memastikan kelestariannya serta dapat dimanfaatkan oleh masyarakat kontemporari (Hasanulddin et.al, 2020). Hasil daripada inisiatif ini, Aplikasi e-Risalah Syeikh Bukit Bayas boleh dianggap perintis dalam menginovasikan manuskrip silam dalam bentuk yang lebih mudah dan efektif bagi melestarikan tamadun dan peradaban Melayu Islam. Ini kerana pendidikan ilmu yang disampaikan oleh ulama sangat penting bagi membentuk masyarakat lebih bertamadun serta ke arah peningkatan hidup yang lebih sempurna sama ada dari segi fizikal, mental dan spiritual (Samruhaizad Samian et.al, 2017).

Tujuan dan Kepentingan Kajian

Kajian bertujuan memperkenalkan keperibadian dan ketokohan Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas dengan lebih dekat kepada para pengguna. Selain itu, ia juga mendedahkan profil dan kandungan kitab *Risalah fi Bayan Hukm al-Bay wa al-Riba*. Seterusnya, ia juga akan memaparkan video dan kuliah pengajaran kitab *Risalah fi Bayan Hukm al-Bay wa al-Riba*.

Kajian ini dapat memberi maklumat kepada pengkaji supaya dapat mengetahui kepentingan terhadap keperluan dalam mengenalpasti manuskrip berasaskan aplikasi e-Risalah Syeikh Bukit Bayas. Selain itu, kajian ini menunjukkan satu pembaharuan yang perlu dilaksanakan dalam memartabatkan karya-karya ulama silam supaya tidak pupus ditelan zaman. Hal ini memberi nilai tambah kepada masyarakat dalam mengakses bahan dan ilmu berkaitan e-Risalah Syeikh Bukit Bayas secara mudah dan cepat. Justeru, penambahbaikan ini boleh memupuk semangat cintakan karya ulama Melayu serta dapat melestarikan legasi karya ulama ini.

Metodologi Kajian

Penyelidikan ini menggunakan metodologi kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan yang boleh digeneralisasikan keputusan dengan berkesan. Kajian ini juga menggunakan pensampelan *probability* atau disebut sebagai pensampelan kebarangkalian dan dianalisis secara deskriptif dengan segala pengukuran objektif berdasarkan maklum balas responden terhadap pernyataan yang terkandung dalam soal selidik yang diedarkan.

Populasi Kajian

Taburan instrumen soal selidik kajian rintis berkaitan Aplikasi e-Risalah Syeikh Bukit Bayas kepada pengguna telah dijalankan pada 14 Februari 2021. Populasi kajian ini melibatkan 100 responden yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Hasil soal selidik mendapati bahawa ramai yang memberi sokongan kepada kajian ini serta berminat untuk mendalami manuskrip ulama silam sekiranya diwujudkan dalam bentuk yang lebih mesra pengguna.


Instrumen Kajian

Kaedah soal selidik lebih mudah mendapatkan kerjasama daripada responden kerana mereka merasakan lebih selamat apabila identiti tidak diketahui oleh penyelidik (Azizi Yahya et.al, 2007). Mereka bebas memilih, menyuarakan pandangan dan penilaian mengikut kehendak soal selidik serta tahu apa yang difikirkan. Selain itu, soal selidik merupakan satu instrumen yang lazim digunakan dalam kajian tinjauan bagi mencapai objektif dalam kajian (Fuad Mohamed , 2017). Soal selidik yang dikemukakan kepada responden terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

Bahagian A:

Taburan soal selidik pada bahagian A memfokuskan kepada demografi Pengguna. Ia melibatkan item utama iaitu bermula dengan A1 Negeri Asal, A2 Umur, dan A3 Jantina, A4 kelulusan akademik tertinggi, A5 pekerjaan.

Rajah 1 Taburan Responden Kajian Berdasarkan Negeri Asal



Jadual 1.1 menunjukkan taburan negeri asal penglibatan pengguna yang melibatkan Sembilan buah negeri iaitu Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Patani, Perlis, Selangor, Terengganu dan Pahang. Purata negeri yang paling tinggi adalah seramai 38 orang iaitu negeri Terengganu.

Jadual 1 Taburan Negeri Asal Penglibatan Pengguna

Umur	Kekerapan	Peratusan %
15-20	26	20.8
21-25	55	44
31-35	6	4.8
36-40	3	2.4
41 ke atas	35	28
Jumlah	125	100

Sumber: Soal Selidik 2022

Jadual 1 menunjukkan taburan umur penglibatan pengguna yang tertinggi adalah antara 21 tahun hingga 25 tahun, diikuti umur 41 tahun ke atas (28%). Bilangan terendah 36 tahun hingga 40 tahun (2.4%) diikuti 31 tahun hingga 35 tahun (4.8 %) iaitu 6 orang.

Jadual 2 Taburan Responden Kajian Berdasarkan Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan %
Lelaki	60	48
Perempuan	65	52

Jadual 2 menunjukkan jantina penglibatan pengguna yang tinggi adalah dalam kalangan perempuan sejumlah 65 orang (52%), manakala lelaki mencatatkan bilangan 60 orang (48%).

Jadual 3 Taburan Responden Kajian Berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi

Kelulusan	Kekerapan	Peratusan %
Pelajar Diploma	36	28.8
Pelajar Ijazah	57	45.6
Pelajar Sarjana & PhD	18	14.4
Kakitangan Kerajaan	2	1.6
Sijil	9	7.2
Lain-lain	3	2.4

Jadual 3 menunjukkan taburan status tahap pendidikan pengguna yang masih bergelar sebagai pelajar diploma seramai (28.8%). Diikuti dengan 57 orang adalah pelajar Ijazah

(45.6%) manakala bagi pelajar sarjana & PhD 18 orang (14.4%). Walau bagaimanapun, kategori kakitangan kerajaan mencatat rekod 2 orang (1.6%) dan sijil sebanyak 9 orang (7.2%). Kategori yang selain disebut adalah sebanyak 5 orang (5%). Hal ini menunjukkan gambaran awal bahawa taraf pendidikan dan taraf ekonomi pengguna masih di tahap tinggi.


Jadual 4 Taburan Responden Kajian Berdasarkan Pekerjaan

Kelulusan	Kekerapan	Peratusan %
Pelajar	76	60.8
Pensyarah	12	9.6
Guru	11	8.8
Sektor Swasta	8	6.4
Kakitangan awam lain	5	4
Lain-lain	13	10.4
Jumlah	125	100

Jadual 4 menunjukkan taburan status pekerjaan pengguna yang masih bergelar sebagai pelajar seramai (61.8%). Bagi pensyarah seramai 12 orang (9.8%). Walau bagaimanapun, kategori kakitangan kerajaan mencatat rekod 13 orang (13%) dan kakitangan Swasta sebanyak 3 orang (3%). Kategori yang selain disebut adalah sebanyak 5 orang (5%). Hal ini menunjukkan gambaran awal bahawa taraf pendidikan dan taraf ekonomi pengguna masih di tahap tinggi.


Bahagian B:

Taburan soal selidik pada bahagian B memfokuskan kepada pengetahuan asas berkaitan Syeikh Bukit Bayas, Cara bagaimana mengenali Sheikh Bukit Bayas, karya Sheikh Bukit Bayas. Berdasarkan tinjauan boring soal selidik, seramai 75 orang iaitu 60% responden yang mengenali Syeikh Bukit Bayas daripada 125 orang responden manakala 50 orang responden yang lain tidak mengenali Syeikh Bukit Bayas.




Oleh itu, bagi mengetahui cara bagaimana responden mengenali secara tidak langsung Syeikh Bukit Bayas juga diambil kira dalam kajian ini. Hal ini penting untuk membuat satu cadangan yang baik sebagai platform dalam menyebarkan maklumat berkaitan Syeikh Bukit

Bayas. Hasil daripada soal selidik yang dijalankan ini mendapati Seramai 35 orang responden iaitu 28.5% mengenali tokoh Islam Syeikh Bukit Bayas melalui media massa. Selain itu, melalui pembacaan ilmiah yang mengenali Syeikh Bukit Bayas seramai 29 orang iaitu 23.6%. Seterusnya, 8 orang responden mengenali Syeikh Bukit Bayas melalui seminar atau ceramah manakala seorang responden melalui pembacaan ilmiah. Namun. Sejumlah yang ramai 50 orang responden mengenali melalui lain-lain platform.




Seterusnya, soal selidik ini juga mengetahui bahawa kebanyakan responden tidak mengetahui karya-karya Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas. Ini menunjukkan jumlah yang cukup ramai iaitu seramai 80 orang iaitu 64% responden dan hanya 45 orang iaitu 36% responden yang mengenali karya-karya Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas.




Oleh yang demikian, melalui tinjauan borang soal selidik ini, kajian ini dapat mengetahui seramai 27 orang iaitu 21.6% responden yang mengetahui karya-karya Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas melalui pembacaan. Antara medium lain yang dapat diketahui ialah melalui carian sendiri iaitu seramai 17 orang. Pengetahuan responden tentang karya-karya Syeikh Bukit Bayas ini juga diperolehi melalui kuliah-kuliah yang dilaksanakan oleh pengkuliah di luar sana iaitu seramai 12 responden. Namun, jumlah yang cukup ramai iaitu seramai 69 responden tidak mengetahui selain kriteria di atas.



Seterusnya, soal selidik ini turut meninjau berkaitan pendapat responden berkaitan karya tersebut masih terdapat atau belum. Hasil tinjauan mendapati seramai 73 orang iaitu 58.4% yang tidak pasti berkaitannya, manakala sejumlah 49 orang iaitu 39.2% yang berpendapat karya-karya Syeikh Bukit Bayas masih wujud. Sejumlah yang agak kecil iaitu 2 responden yang mengetahui bahawa karya Syeikh Bukit Bayas iaitu Kitab *Risalah fi Bayan Hukum al-Bay' wa al-Riba* masih ada.



Seterusnya, tinjauan soal selidik menunjukkan seramai 45 responden yang akan menggunakan karya-karya Syeikh Bukit Bayas sebagai rujukan ilmiah. Manakala sejumlah 32 responden yang akan menggunakan karya tersebut sebagai bahan bacaan ringan. Terdapat juga respons yang akan menggunakan sebagai panduan dalam kehidupan seharian iaitu seramai 14 responden dan seramai 13 responden yang akan berkongsi kepada orang lain serta jumlah responden yang selebihnya memilih lain-lain daripada yang lain.



Bahagian C:

Taburan soal selidik pada bahagian C memfokuskan keperluan kepada aplikasi Syeikh Bukit Bayas, penilaian terhadap aplikasi Syeikh Bukit serta cadangan terhadap aplikasi tersebut. Berdasarkan tinjauan ini, semua responden 125 bersetuju untuk diwujudkan satu aplikasi karya Syeikh Bukit Bayas sebagai platform yang baik untuk membantu masyarakat mengenali karya tokoh ulama ini. Selain itu, hasil tinjauan soal selidik ini, seramai 124 iaitu 99.2 % responden berpandangan aplikasi ini mampu membantu masyarakat dalam mendalami serta mencintai kitab turath atau jawi lama. Pada bahagian kesimpulan, responden memberi respons yang positif dalam pembangunan aplikasi e-Risalah Bukit Bayas ini.

Nyatakan cadangan atau harapan anda berkaitan aplikasi ini.

125 responses

Saya berharap aplikasi sedemikian dapat diwujudkan demi memperluaskan ilmu masyarakat

Semoga aplikasi ini bermanfaat untuk umat Islam khususnya dalam menjalani kehidupan dan bertambah minat anak muda untuk mengaji kitab² turath Nusantara

Harapan saya supaya aplikasi ini mesra pengguna & mudah untuk difahami.

Semoga aplikasi cepat dilancarkan

Moga aplikasi e risalah dapat diwujudkan

Semoga dapat menarik minat generasi muda untuk mengenali ulama ulama silam dengan lebih mendalam.

Harapan usaha ini lebih menambah pengetahuan dan lebih mengenali tokoh ulama di alam melayu pada masyarakat islam di Malaysia.

Perbincangan dan Keputusan

Hasil tinjauan mendapati bahawa keperluan dalam mengenalpasti manuskrip berasaskan aplikasi: E-Risalah Syeikh Bukit Bayas telah mendapat sambutan yang memuaskan. Namun begitu, masih terdapat ramai yang belum mengenali sosok tubuh Syeikh Bukit Bayas dan juga karya-karya beliau yang telah dihasilkan. Oleh yang demikian, satu penambahbaikan dalam mendigitalkan manuskrip karya beliau yang telah dilaksanakan berasaskan aplikasi sangat membantu masyarakat dalam mengenalinya dengan lebih dekat.

Selain itu, perkembangan teknologi yang kian pesat juga dapat membantu serta ia juga menjadi satu keperluan dan kemestian pada era kini yang banyak menggunakan aplikasi melalui alam maya dalam pembelajaran serta pengajaran. Ini memberi nilai tambah serta lonjakan promosi dalam memperkenalkan kepada masyarakat awam di luar sana dengan lebih mudah dan cepat.

Kesimpulan

Berdasarkan huraian dan analisis dapatan kajian rintis di atas, dapatlah disimpulkan bahawa Aplikasi e-Risalah Syeikh Bukit Bayas sangat berperanan dalam memudahkan masyarakat mendalami ketokohnya serta mengetahui kitab-kitab turath yang dikarang oleh beliau. Keperluan terhadap ilmu agama ini dapat menyumbang kepada keberkesanan dari sudut memberi kefahaman berkaitan hukum hakam kepada masyarakat di luar sana (Adibah Sulaiman et.al, 2016). Selain itu, inisiatif aplikasi yang diketengahkan ini dapat meningkatkan kualiti pengajaran golongan pendidik di Malaysia, terutamanya dalam bidang pengajian Islam. Hal ini kerana mereka dapat mempelbagaikan corak dan teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP) menurut kesesuaian masa dan tempat. Kesemua ini menyumbang kepada nilai sosial, agama, ekonomi dan pendidikan yang mencorak serta mengubah gaya hidup masyarakat daripada kejahilan kepada ilmu pengetahuan asas agama Islam. Justeru, masyarakat yang berilmu dapat membentuk jati diri yang bersifat kompeten, bermotivasi serta keseimbangan emosi yang diurus dengan bijaksana berlandaskan syariat Islam. Rentetan daripada itu, usaha untuk memurnikan serta mempromosikan ulama silam dan sumbangan mereka kepada ummah perlu diperkasakan. Keadaan ini memberikan gambaran bahawa Aplikasi e-Risalah Syeikh Bukit Bayas yang sedang dibangunkan ini dapat memenuhi tuntutan dan keperluan dalam membentuk masyarakat yang berilmu dan beramal demi faedah dalam kehidupan mereka.

Penghargaan

Kertas ini merupakan sebahagian kajian dalam geran penyelidikan bertajuk: 'Pendokumentasian Manuskrip Lama Terengganu-Patani Di Muzium Al-Quran, Madrasah Ahmadiyah Pondok Sela Ayam, Narathiwat, Thailand'. Penyelidikan ini memperolehi dana daripada tabung khas SRGS (Special Research Grant Scheme) daripada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (No rujukan projek: UniSZA/2019/FKI/1). Sekalung penghargaan buat Universiti Sultan Zainal Abidin atas peruntukan geran yang telah diberikan.

Rujukan

- Adibah Sulaiman, Ezad Azraai Jamsari & Nurliyana Mohd Talib. (2016). Konsep Ilmu menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi. *Islamiyyat* 38(2), 93-102.
- Ali Mohammad. (2009). Peranan Ulama dalam Memartabatkan Tamadun Islam di Nusantara: Tumpuan terhadap Abdul Rauf Singkel. *Jurnal Al-Tamaddun*, 81-98.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & Jamaludin Ramli. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Choo Ming Ding. (2003). *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Fuad Mohamed. (2017). *Metodologi Penyelidikan Panduan Menulis Tesis*. Sintok: UUM Press.
- Hasanulddin Mohd, Ahmad Tirmizi Taha, Khiral Anuar Daud. (2020). *Risalah fi Bayan Hukum al-Bay' wa al-Riba: Edisi Tahkik*. Kuala Nerus: Penerbit UniSZA.
- Hasanulddin Mohd, Zurita Mohd Yusoff, Jamalluddin Hashim, Engku Ibrahim Engku Wok Zin & Syed Mohd Hafiz Syed Omar. (2018). The Malay Fiqh Manuscripts At The National Centre for Malay Manuscripts: A Pilot Survey. Chapters on International Journal of Academic Research in Business And Social Sciences, pp. 685-696.
- Hasanulddin Mohd, Jamalluddin Hashim, Zurita Mohd Yusoff, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Khiral Anuar Daud. (2017). The Contribution of Shaykh Abdul Qadir Bukit Bayas in Islamic Jurisprudence And Social Harmony (2017). *International Journal of Academic Research in Business And Social Sciences*, pp. 615-621.
- Mohd Anuar. (2017). Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Satu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 66-88.
- Mohd Hamdan. (2017). Perlakuan Pengguna Penjawat Awam Sabah dan Penggunaan Internet. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 5-4.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Samruhaizad Samian & Azahan Awang. (2017). Pendidikan sebagai Komponen Kualiti Hidup Masyarakat Pinggir Bandar. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 267-280.
- Zurita Mohd Yusoff, Abdul Karim Ali, Hasanulddin Mohd, Jamalluddin Hashim & Engku Ibrahim Engku Wok Zin. (2019). The Contemporaneous and Local Influence in Kitab Al-Kifayah: Chapters on Purification and Halal Food. *International Journal of Academic Research Business and Social Sciences*, 9(4), 68-78.